

TERMA DAN SYARAT

1.0 Pengenalan

1.0 Inisiatif “100% Tanpa Tunai di R&R” ini dianjurkan oleh Projek Lebuhraya Usahama Berhad (PLUS) [No. Syarikat: 201101026564 (954700-A)] dan disokong oleh pelbagai rakan pembayaran yang dipercayai, termasuk MyDebit, Mastercard Kredit dan Debit, Visa Kredit dan Debit, DuitNow QR, Touch 'n Go E-Wallet, GrabPay, Setel, MAE, Boost, dan ShopeePay. Inisiatif ini bertujuan untuk mempromosikan persekitaran tanpa tunai sepenuhnya di semua lokasi yang mengambil bahagian, dengan menggalakkan transaksi yang lebih selamat, pantas dan cekap. Dengan menghapuskan penggunaan wang tunai secara fizikal, kami berusaha untuk meningkatkan kemudahan kepada pengguna sambil menyokong agenda transformasi digital negara. Semua pengguna digalakkan untuk memastikan kaedah e-pembayaran pilihan mereka telah diaktifkan dan mempunyai jumlah yang mencukupi sebelum melakukan sebarang transaksi. Pembayaran secara tunai tidak akan diterima dan/atau akan dihadkan. Terma dan syarat dikenakan.

2.0 Tarikh Permulaan Inisiatif Tanpa Tunai Sepenuhnya

2.1 Pelaksanaan Inisiatif Tanpa Tunai Sepenuhnya di Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) yang dikendalikan oleh PLUS Malaysia Berhad (“PLUS”) akan dijalankan secara berfasa seperti berikut:

2.1.1 Fasa 1 – Bermula 15 Julai 2025

- R&R Tapah (Arah Utara)
- R&R Tapah (Arah Selatan)

2.1.2 Fasa 2 – Bermula 15 Oktober 2025

Melibatkan semua lokasi Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) di Wilayah Tengah, termasuk beberapa lokasi terpilih di Wilayah Utara dan Selatan:

1. R&R Rawang (Arah Utara)
2. Jejantas Sungai Buloh
3. R&R Seremban (Arah Utara)
4. R&R Seremban (Arah Selatan)
5. R&R Dengkil (Arah Utara)

6. R&R Dengkil (Arah Selatan)
7. R&R Ulu Bernam (Arah Selatan)
8. R&R Nilai (Arah Utara)
9. R&R Nilai (Arah Selatan)
10. R&R Serdang (Arah Utara)
11. R&R Serdang (Arah Selatan)
12. R&R Ayer Keroh (Arah Utara)
13. R&R Ayer Keroh (Arah Selatan)
14. Jejantas Ayer Keroh
15. R&R Gurun (Arah Utara)
16. R&R Gurun (Arah Selatan)

3.0 Kaedah Pembayaran Yang Diterima

3.1 Semua transaksi mesti diselesaikan menggunakan salah satu kaedah pembayaran berikut:

- a) Kad Kredit/Debit Mastercard
- b) Kad Kredit/Debit Visa
- c) MyDebit
- d) Kad Prabayar (Mastercard atau Visa)
- e) Dompot Mudah Alih (Touch 'n Go eWallet, Boost, GrabPay, Setel, MAE, ShopeePay)
- f) Pembayaran Kod QR (DuitNow QR)

Semua transaksi mesti diselesaikan menggunakan kaedah pembayaran yang diterima seperti di atas. Dalam keadaan tertentu, pembayaran tunai masih diterima, namun pengguna lebih raya amat digalakkan untuk menggunakan kaedah pembayaran tanpa tunai.

4.0 Pemulangan Wang & Pertikaian

- 4.1 Semua pemulangan wang tertakluk kepada polisi pemulangan wang oleh peniaga, vendor, atau penyedia perkhidmatan pembayaran tanpa tunai masing-masing (contohnya, pengendali e-dompot, bank).
- 4.2 Pelanggan mesti mengemukakan permintaan pemulangan wang secara langsung kepada penyedia pembayaran mereka (contohnya, e-dompot atau bank) dan mematuhi prosedur yang ditetapkan oleh penyedia tersebut.
- 4.3 Pertikaian berkaitan transaksi gagal, berganda, atau tidak tepat mesti dikemukakan dalam tempoh 5 hari bekerja dari tarikh transaksi. Bukti transaksi (seperti resit digital atau tangkapan skrin) perlu disertakan untuk menyokong tuntutan.
- 4.4 PLUS dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap hasil pertikaian antara pelanggan dan penyedia pembayaran pihak ketiga.
- 4.5 PLUS tidak memproses atau mengeluarkan pemulangan wang bagi sebarang transaksi yang dibuat melalui platform pihak ketiga. Tempoh dan keputusan pemulangan wang ditentukan oleh institusi kewangan atau penyedia perkhidmatan masing-masing.

4.6 Sekiranya berlaku kegagalan transaksi di mana wang telah ditolak tetapi tiada produk/perkhidmatan diterima:

- a. Pelanggan dinasihatkan untuk menyemak sejarah transaksi mereka dengan segera.
- b. Jika resit tidak dicetak, transaksi dianggap gagal walaupun amaun telah ditolak.
- c. Amaun yang ditolak akan dipulangkan secara automatik ke dalam akaun e-dompet/bank pelanggan.
- d. Pelanggan perlu menghubungi penyedia e-dompet atau bank masing-masing untuk bantuan dan penyelesaian lanjut.

4.7 Pemulangan wang tidak akan diberikan secara tunai dalam apa jua keadaan bagi transaksi pembayaran tanpa tunai.

4.8 PLUS berhak untuk menolak sebarang tanggungjawab terhadap kelewatan atau kegagalan dalam proses pemulangan wang yang disebabkan oleh ralat sistem, masalah teknikal, atau kesilapan pengguna yang tidak berkaitan secara langsung dengan operasi

5.0 Perlindungan Data oleh PLUS

5.1 Data peribadi dan kewangan anda dalam keadaan selamat. Semua transaksi diproses melalui platform yang dikawal selia dan selamat serta diluluskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

5.2 PLUS tidak mengumpul, menyimpan, atau berkongsi maklumat kewangan anda pada bila-bila masa sepanjang proses transaksi. Semua transaksi diproses melalui platform yang selamat dan dikawal selia.

5.3 Data peribadi dan pembayaran akan dikendalikan mengikut Polisi Privasi Projek Lebuhraya Usaha Berhad dan undang-undang perlindungan data yang berkenaan, yang boleh diakses di: <https://www.plus.com.my/wp-content/uploads/2025/06/07-Privacy-Notices-for-Business-Partner-EN.pdf>

6.0 Tanggungjawab Pengguna

6.1 Pastikan sambungan internet atau rangkaian mudah alih anda stabil dan boleh dipercayai untuk mengelakkan kegagalan atau kelewatan semasa pemprosesan pembayaran.

6.2 Pastikan kaedah pembayaran digital anda aktif dan mempunyai baki yang mencukupi.

6.3 Kekalkan keselamatan maklumat kelayakan pembayaran anda.

6.4 Kemas kini peranti dan aplikasi pembayaran anda untuk keselamatan dan keserasian yang lebih baik.

6.5 Gunakan hanya sistem pembayaran yang sah, selamat dan dibenarkan di bawah inisiatif ini.

7.0 Had Tanggungjawab

7.1 PLUS tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan secara langsung, tidak langsung, sampingan, atau berbangkit yang disebabkan oleh kegagalan sistem pembayaran, kesilapan pengguna, atau gangguan yang berpunca daripada penyedia perkhidmatan pihak ketiga, tetapi tidak terhad kepada platform e-dompet, institusi perbankan, dan gerbang pembayaran.

7.2 Pelanggan seharusnya bertanggungjawab sepenuhnya atas sebarang kerugian, kerosakan, atau tuntutan yang berpunca daripada kecuaiian, salah laku, atau keingkaran sengaja mereka sendiri dalam penyertaan mereka dalam Pelaksanaa Tanpa Tunai Penuh ini, tetapi tidak terhad kepada penggunaan mana-mana kaedah pembayaran atau sebarang transaksi yang dibuat. Pelanggan bersetuju untuk melepaskan PLUS dan rakan kongsi atau agensi yang dilantik daripada sebarang tuntutan, permintaan, atau liabiliti atas sebarang kecederaan, kemalangan, kehilangan nyawa, kerugian ekonomi, atau kerosakan lain yang dialami.

7.3 Dengan menyertai Pelaksanaa Tanpa Tunai Penuh ini, pelanggan bersetuju untuk mematuhi sepenuhnya Terma dan Syarat ini serta semua keputusan yang dibuat oleh PLUS, yang adalah muktamad dan mengikat.

7.4 Terma dan Syarat ini akan ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia, dan mahkamah Malaysia akan mempunyai bidang kuasa eksklusif terhadap sebarang pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan inisiatif ini.